

01 DEC 1999

Isa-K'jaan Negeri

K'JAAN N. SEMBILAN DIBENTUK SELEWAT-LEWATNYA MINGGU DEPAN

SEREMBAN, 1 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata pembentukan kerajaan negeri dan pelantikan anggota Exco yang baru akan dibuat selewat-lewatnya minggu depan.

Beliau berkata, setakat ini beliau belum menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan penubuhan kerajaan dan senarai anggota exco kerajaan negeri yang baru.

"Saya akan berjumpa Dr Mahathir untuk membincangkan pembentukan kerajaan negeri dan membawa senarai nama calon khasnya dari Umno untuk diputuskan siapa yang akan dilantik sebagai anggota Exco," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Mengenai anggota Exco daripada parti komponen Barisan Nasional yang lain, beliau berkata perkara itu akan diputuskan oleh presiden parti masing-masing untuk mengemukakan nama kepada Dr Mahathir dan memaklukkannya kepada beliau.

Ditanya sama ada anggota Exco yang akan dilantik nanti akan menggandingkan muka lama dan baru, Mohamed Isa berkata perkara itu juga bergantung kepada hasil perbincangan beliau dengan Perdana Menteri.

Kerajaan Negeri Sembilan yang lepas mempunyai sembilan orang anggota Exco termasuk Mohamed Isa yang memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Agama Islam, Tanah dan Hasil Bumi, Perancangan Negeri, Pelaburan dan Perindustrian.

Pada pilihan raya kelmarin, BN negeri mencapai kejayaan cemerlang apabila memenangi kesemua 32 kerusi Dewan Undangan Negeri. Calon BN negeri turut menyapu bersih kesemua tujuh kerusi Parlimen.

Ketika ditanya sama ada beliau ada menerima laporan mengenai anggota parti yang melanggar disiplin dan menentang calon BN pada pilihan raya baru-baru ini, beliau berkata setakat ini beliau ada menerima laporan tetapi ia dibuat secara lisan.

"Saya sudah minta supaya buat laporan secara hitam putih agar kita boleh siasat terutamanya untuk melihat kesahihan dakwaan itu kerana kita tidak mahu penganiayaan berlaku kepada mereka yang tidak ada bukti jelas," katanya.

-- BERNAMA

APG AKD